



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**Dua Notis Amaran dikeluarkan kerana gagal patuhi  
Akta Kawalan Harga, Penggal 142**

1. Dalam usaha bagi memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi sepadu ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Belait baru-baru ini.
2. Operasi sepadu melibatkan beberapa buah premis perniagaan di kawasan Kampung Pandan dan Mumong dengan hasil pemeriksaan mendapati dua (2) kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Oleh itu, dua (2) Notis Amaran telah dikeluarkan kepada sebuah (1) premis perniagaan kerana menjual barang yang dikawal harga iaitu minyak masak, melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan tidak mempamerkan tanda harga pada sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan.
3. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak lapan belas (18) unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan yang mana kesemua alat-alat berkenaan adalah sah, tepat dan mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151.
4. Peniaga diingatkan untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul serta memastikan barang yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Di samping itu, peniaga juga diingatkan untuk sentiasa mempamerkan tanda berat bersih dengan jelas dan memastikan semua alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perniagaan adalah sah dan berdaftar dengan Unit SDT.

5. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:

- Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel [aduanpengguna@jpес.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpес.gov.bn)
- Unit Sukatan dan Timbangan, IBE melalui nombor talian 2334092 atau e-mel [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: [dca@jpес.gov.bn](mailto:dca@jpес.gov.bn)

Rujukan : (68) JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Tarikh : 7 Rabiulakhir 1447 / 29 September 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**Two Warning Notices issued for violations of the  
Price Control Act, Chapter 142**

1. To ensure business compliance with the Price Control Act, Chapter 142, and the Weights and Measures Act, Chapter 151, the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs, together with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) under the Ministry of Finance and Economy, recently conducted a joint operation at several business premises in the Belait District.
2. The joint operation involved inspections of several business premises in Kampung Pandan and Mumong, resulting in two (2) offences under the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations. Consequently, two (2) Warning Notices were issued to one (1) business premise for selling price-controlled items, namely cooking oil, above the set maximum prices and for failing to display prices on some of the items sold within the premise.
3. Meanwhile, the SDT Unit found eighteen (18) units of weighing and measuring machines used for trading purposes, which were found to be valid, accurate, and in compliance with the Weights and Measures Act, Chapter 151.
4. Businesses are reminded to display prices clearly and accurately and to ensure that price-controlled items are not sold above the set maximum prices. Additionally, businesses are reminded to clearly display the net weight of packaged goods and ensure that all weight and measure instruments used are valid and registered with the SDT Unit.

5. For any inquiries, members of the public may contact the following relevant agencies, with details as follows:

- Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123 or email [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)
- Weights and Measures Unit, IBE through phone number 2334092 or email [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: [dca@jpes.gov.bn](mailto:dca@jpes.gov.bn)

Reference : (68) JPES/CAD/AKTA/Pt.12

Date : 7 Rabiulakhir 1447 / 29 September 2025